

Headline	IKIMfm siar program khas musim haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 May 2014	Color	Black/white
Section	Dim Negeri	Circulation	178,211
Page No	27	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	58 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 756
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,267



## **IKIMfm siar program khas musim haji**

KUALA LUMPUR 8 Mei - Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (*IKIMfm*) akan menyiarkan sebuah rancangan mengenai persediaan dan pemahaman tentang ibadat haji tahun ini.

Menerusi rancangan *Lambaian Kaabah 1435H*, para pendengar akan mendapat pendedahan terperinci tentang pelaksanaan dan perkara yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas ibadat haji.

IKIM dalam satu kenyataannya berkata, rancangan itu merupakan kerjasama *IKIMfm* dan Bahagian Bimbingan, Lembaga Tabung Haji serta mendapat tajaan Bank Islam.

Ujarnya, rancangan 18 episod itu akan ke udara pada setiap Khamis bermula pukul 9.15 pagi hingga 9.45 pagi (30 minit) dan dikendalikan oleh juruhebah Norhayati Paradi dan Suffian Amrin.

"Antara isu yang dibincangkan ialah pengurusan dan falsafah haji, kelebihan Mekah dan Madinah serta rukun haji," katanya di sini, hari ini.